

Seni budaya taruhan USIM



Aktiviti sukaneka bersama-sama penduduk Kampung Menerong, Ajil.

'Tak kenal maka tak cinta', itulah ungkapan yang dihirkan seorang daripada penduduk Kampung Menerong, Ajil, Terengganu yang menerima kehadiran mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi program Khidmat Seni Budaya 1Malaysia (KSB 1Malaysia), baru-baru ini.

Program anjuran Urusetia Kesenian Pelajar, Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar itu bermatlamat membawa keunikan kesenian dan kebudayaan 1Malaysia ke dalam masyarakat selain pengisian khidmat komuniti.

Ahli Dewan Negeri Ajil, Datuk Rasol Wahid, berkata program yang dijayakan penuntut USIM itu berjaya membawa perubahan pemikiran masyarakat terhadap kesenian, malah memberi mesej jelas bahawa Islam dan kesenian tidak boleh dipisahkan.

"Kehadiran mahasiswa USIM berjaya membuktikan keberanian dan komitmen mahasiswa dalam memperkenalkan dan mempertahankan kepelbagaian seni tempatan.

"Kesungguhan yang dipamerkan mahasiswa meyakinkan saya bahawa mereka mampu mengorak dan mengukuhkan jati diri bagi menempuh serta membina

kualiti kepimpinan dalam diri mereka," katanya ketika berucap merasmikan program berkenaan.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan



KESUNGGUHAN YANG DIPAMERKAN MAHASISWA MEYAKINKAN SAYA BAHAWA MEREKA MAMPU MENGORAK DAN MENGUKUHKAN JATI DIRI BAGI MENEMPUH SERTA MEMBINA KUALITI KEPIMPINAN DALAM DIRI MEREKA"

Rasol Wahid,
ADUN Ajil

Alumni USIM, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah.

Budaya jadi jambatan

Disertai 30 peserta, program bertujuan memperkenalkan USIM kepada masyarakat setempat melalui medium seni budaya dan mengukuhkan ikatan silaturahim sesama penduduk selain meningkatkan kefahaman mereka terhadap kesenian 1Malaysia.

Sepanjang lima hari program berlangsung, peserta dan penduduk kampung didedahkan dengan pengisian KSB 1Malaysia merangkumi Rakan Seni Budaya, Santai Bersama Masakan ibu, Senam Seni, Tazkirah dan Solat Berjemaah, Karnival Permainan Tradisional, dan Manifestasi Seni.

Pendekatan dalam segmen Rakan Seni Budaya dan Manifestasi Seni memberi peluang kepada masyarakat setempat khususnya pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Menerong dan Sekolah Kebangsaan (SK) Menerong mengenali dan mencintai Kesenian 1Malaysia seperti caklempong, nasyid, tarian tradisi Melayu, genderang pelbagai kaum, ramaian tari Cina dan India, etnik Sabah dan Sarawak, seni khat, kompang, marhaban serta seni lukis.



Peserta program Khidmat Seni Budaya 1Malaysia bersama-sama keluarga angkat masing-masing.